

RINGKASAN KEPERLUAN KONSERVASI BANGUNAN RUMAH REHAT BESERAH

Disediakan oleh ICOMOS MALAYSIA
Ogos 2021



Laporan ini disediakan oleh

Jawatankuasa Warisan Abad ke-20 ICOMOS MALAYSIA

yang dikenali sebagai ISC20C MALAYSIA

Ar. Yong Chee Keat (pengurus ISC20C MALAYSIA)

Mariana Isa (penyelaras laporan)

TPr. Afzal Azhari

Datuk Azzat Kamaludin

Bukhari Malek (pakar jemputan)

Ar. Dominic Chuo

Ar. Dr. Goh Ai Tee

Kenneth Wong

Maulud bin Tawang (pakar jemputan)

Ts. Mohd Azmi bin Abd Sukor (pakar jemputan)

Mohd Radzi Jamaluddin (pakar jemputan)

Naimran Yunos (pakar jemputan)

Nik Mastura Nik Muhammad

Shaiful Idzwan Shahidan

Ar. Steven Thang Boon Ann

Sekalung penghargaan kepada

Wan Udani bin Wan Ahmad

ICOMOS MALAYSIA

99L Jalan Tandok, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur

www.icomos-malaysia.org | admin@icomos-malaysia.org

Ditubuhkan pada tahun 1965, ICOMOS berkait rapat dengan UNESCO dan mempunyai keahlian seramai 10,000 dari 101 buah negara. Organisasi ini bertujuan untuk menggalakkan pemahaman dan penghargaan terhadap budaya dan warisan bangunan di seluruh dunia. ICOMOS MALAYSIA yang didaftarkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 pada 27 Ogos 2013 merupakan sebahagian daripada jaringan antarabangsa ini. Ahli-ahlinya yang berlatarbelakangkan pelbagai bidang terlibat dalam usaha pemuliharaan warisan secara profesional. ICOMOS MALAYSIA menghubungkan pihak berkuasa tempatan, institusi dan individu yang terlibat dalam kajian dan kerja-kerja pemuliharaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

© 2021 ICOMOS MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, sama ada dalam bentuk elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta.

ISI KANDUNGAN

GLOSARI	5
01 PENGENALAN	6
02 LATAR BELAKANG KAMPUNG PANTAI & BESERAH	9
2.1 BESERAH	
2.2 PETA PERKEMBANGAN BESERAH	
2.3 KAMPUNG PANTAI	
2.4 PERISTIWA BERSEJARAH DI KAMPUNG PANTAI	
2.5 KOMUNITI & BUDAYA KAMPUNG PANTAI	
2.6 REKOD GAMBAR LAMA KAMPUNG PANTAI/BESERAH	
2.7 PERANCANGAN SEDIA ADA (UNTUK KAMPUNG PANTAI)	
03 RUMAH REHAT BESERAH	32
3.1 LOKASI	
3.2 SEJARAH BANGUNAN	
3.3 PENJELASAN SENI BINA ASAL	
3.4 PENAMBAHAN DAN PENGUBAHSUAIAN SENI BINA	
3.5 KRONOLOGI PENGGUNAAN BANGUNAN	
04 NILAI WARISAN RUMAH REHAT BERSERAH	43
4.1 KEPENTINGAN SEJARAH	
4.2 KEPENTINGAN SENI BINA	
4.2 KEPENTINGAN BUDAYA & SOSIAL	
05 PIHAK BERKEPENTINGAN	47
5.1 PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG	
5.2 PENDUDUK KAMPUNG PANTAI	
5.3 NELAYAN DAN KAKI PANCING	
5.4 MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN	
5.5 PENGURUS RUMAH REHAT BESERAH	
5.6 KEMENTERIAN/JABATAN PELANCONGAN	
06 ISU DAN ANCAMAN	49
6.1 NIAT UNTUK MEROBOH - PERLU TINDAKAN SEGERA	
6.2 GUNA TANAH 'PENGANGKUTAN'	
6.3 BENTUK WARISAN YANG JARANG DIIKTIRAF	
6.4 OPERASI RUMAH REHAT	
6.5 PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN YANG TIDAK PEKA KEPADA ELEMEN WARISAN	
6.6 PERSEPSI MASYARAKAT	

07	PELUANG DAN POTENSI	52
08	PENDEKATAN YANG DICADANGKAN	55
8.1	PENDEKATAN KONSERVASI BANGUNAN	
8.2	KAJIAN YANG LEBIH MENDALAM	
8.3	PENGURUSAN YANG LEBIH MAKLUM TENTANG NILAI WARISAN RUMAH REHAT BESERAH	
8.4	PENGLIBATAN KOMUNITI TEMPATAN	
8.5	RANCANGAN PELANCONGAN TEMPATAN	
8.6	PENAMBAHBAIKAN SUASANA PERSEKITARAN	
8.7	RUMUSAN PELAN TINDAKAN SETERUSNYA	
09	ALTERNATIF PENGGUNAAN YANG DICADANGKAN	60
9.1	ALTERNATIF 1: PENGEKALAN FUNGSI SEBAGAI SEBUAH RUMAH REHAT BERUSIA HAMPIR 1 ABAD	
9.2	ALTERNATIF 2: TUKAR KEGUNAAN BANGUNAN	
10	HURAIAN AKHIR	62
11	SENARAI RUJUKAN	63

GLOSARI

FMS	Federated Malay States/Negeri-negeri Melayu Bersekutu
ICOMOS	International Council on Monuments and Sites
Konservasi	Pemeliharaan atau penjagaan bangunan warisan secara tersusun bagi mengatasi kerosakan.
I.	Lahir
m.	Meninggal dunia
MBK	Majlis Bandaraya Kuantan
NGO	Non-Governmental Organisation/Badan Bukan Kerajaan
Pemuliharaan	Proses menjaga dan mengawasi sesebuah bangunan warisan daripada dimusnahkan atau proses membaikpulih bangunan dengan perancangan dan pengurusan yang sistematik
Pemeliharaan	Pendekatan yang bertujuan untuk menghentikan keusangan bangunan agar struktur kekal selamat dan kukuh
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTD	Rancangan Tempatan Daerah
Rumah Panggung	Rumah yang berlantai tinggi
Serambi	Ruang terbuka yg berbumbung dan berlantai di bahagian depan atau tepi rumah

01 PENGENALAN

1.1 Niat untuk merobohkan bangunan **Rumah Rehat Beserah** telah dilaporkan oleh media massa tempatan sekitar bulan Mei 2021. ICOMOS MALAYSIA telah menyatakan pandangan tentang nilai warisan yang dimiliki oleh bangunan berusia 93 tahun ini dalam satu kenyataan [akhbar](#) bertarikh 30 Mei 2021. Ringkasan Keperluan Konservasi Bangunan ini disediakan sebagai susulan kenyataan tersebut untuk membentangkan kepentingan dan keistimewaan bangunan Rumah Rehat Beserah serta strategi awal langkah-langkah pemuliharaannya dengan lebih terperinci. Ia diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan memahami keperluan konservasi bangunan ini dan menggunakan sebagai garis panduan dalam penyediaan sebarang rancangan pembangunan yang melibatkan bangunan Rumah Rehat Beserah di masa hadapan.

1.2 Sebuah *task force* yang turut dianggotai oleh lima pakar jemputan telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Warisan Abad ke-20 ICOMOS MALAYSIA untuk menilai ciri-ciri bangunan Rumah Rehat Beserah serta meneliti langkah-langkah yang bersesuaian agar ianya tidak dirobohkan dan sebaliknya diiktiraf sebagai aset warisan yang bersejarah. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang bulan Mei sehingga Ogos 2021 bagaimanapun mengehadkan akses kepada sumber-sumber rujukan. Laporan ini akan dikemas kini pada masa hadapan sekiranya ada maklumat yang baharu ditemui atau diterima.

1.3 Bangunan Rumah Rehat Beserah mempunyai tipologi bangunan era kolonial yang jarang dilihat sebagai warisan yang bernilai kerana rupa bentuknya yang sederhana. Masyarakat dan golongan akademik yang meminati atau mendalamai warisan/sejarah seni bina di negara ini lebih tertumpu kepada bangunan awam dan kediaman. Sejarah am seni bina rumah rehat di Malaysia juga belum dikaji secara mendalam. Rumah Rehat Beserah didapati lain daripada yang lain bukan sahaja kerana gaya seni binanya yang secara tidak langsung telah lama menjadi mercu tanda Beserah, tetapi juga kerana ianya telah beroperasi sebagai sebuah rumah rehat selama 93 tahun - sesuatu yang amat jarang berlaku, malah sukar untuk dicapai. Kepentingannya kepada kawasan setempat dapat dilihat dengan jelas melalui reaksi penduduk tempatan apabila khabar bahawa bangunan ini akan dirobohkan sampai ke pengetahuan mereka. Tagar [#selamatrumahrehatbeserah](#) yang dimulakan oleh mereka bukan sahaja berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kewujudan dan ancaman yang dihadapi oleh Rumah Rehat Beserah tetapi juga mendoakan kelestariannya.

1.4 Bangunan Rumah Rehat Beserah penting dari segi sejarah, seni bina, budaya dan sosial. Fungsinya sebagai sebuah rumah rehat selama hampir satu abad tidak boleh dipandang dengan sebelah mata. Kertas kerja ini pada dasarnya tidak mengesyorkan bangunan ini diroboh atau dialihkan dari tapak sedia ada. Usia 93 tahun bangunan ini dan keadaan strukturnya yang masih baik sebenarnya sudah cukup sebagai justifikasi pengekalan, pemuliharaan serta pengiktirafannya sebagai sebuah bangunan warisan.

1.5 Dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuantan 2035 (Penggantian), guna tanah tapak bangunan ini telah diletakkan di bawah kategori ‘pengangkutan’. Ini memperlihatkan bahawa kewujudan Rumah Rehat Beserah langsung tidak dipertimbangkan dalam sebarang perancangan pembangunan di daerah tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi yang berkaitan disarankan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu agar ianya tersenarai sebagai bangunan warisan atau tapak warisan, jika tidak di peringkat negeri atau nasional di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), sekurang-kurangnya di peringkat tempatan, menggunakan kaedah rancangan pemajuan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

1.6 Visi pembangunan atau pemuliharaan Rumah Rehat Beserah hendaklah berorientasikan kehendak dan keperluan penduduk tempatan. Mereka perlu dijemput untuk mengambil bahagian dalam sebarang perancangan yang membabitkan Rumah Rehat Beserah dan luahan pendapat mereka perlu diambil kira dengan lebih serius. Dari aspek pemuliharaan bangunan pula, prinsip-prinsip berikut dianggap ideal:

- Pemuliharaan bangunan Rumah Rehat Beserah perlu mengambil kira keaslian (*authenticity*) seni bina asalnya.
- Persekuturan landskap tepi pantai Rumah Rehat Berserah perlu dikekalkan dan ditambah baik agar ia tidak menggugat suasana tradisi/budaya sekitar.
- Penggunaan bangunan mestilah membawa faedah kepada penduduk setempat.

1.7 Kegunaan sedia ada bangunan ini sebaik-baiknya dikekalkan dengan menekankan keunikannya sebagai sebuah rumah rehat selama 93 tahun (100 tahun pada tahun 2027). Kedudukannya di tepi pantai dalam sebuah kejiranan kampung tradisi nelayan yang masih ‘hidup’ dipercayai mampu membantu penjanaan ekonomi pelancongan tempatan secara tidak langsung sekiranya diuruskan dan dipromosi dengan baik. Bergantung kepada siasatan lanjut di tapak kelak, pendekatan pemuliharaan hendaklah memastikan bahawa bangunan Rumah Rehat Beserah terus kekal seadanya atau dikembalikan kepada bentuk yang asal, tanpa perlu apa-apa pengubahsuaian yang ketara. Sebarang tambahan bangunan/bilik, sekiranya dianggap perlu, mestilah menghormati kewujudan bangunan ini dan tidak cuba untuk bersaing dengan seni binanya.

1.8 Sekiranya operasi rumah rehat ini terpaksa dihentikan atas sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan, penggunaan semula bangunan Rumah Rehat Beserah untuk fungsi yang lain seperti balai komuniti, tempat acara atau galeri, masih boleh dilaksanakan, asalkan ianya kekal sebagai mercu tanda Kampung Pantai Beserah. Bagaimanapun, sebarang pengubahsuaian perlu mengambil kira estetika dan reka bentuknya yang asal.

1.9 Langkah serta-merta yang perlu diambil untuk menyelamatkan Rumah Rehat Beserah daripada ancaman perobohan ialah dengan mengenalpasti strategi yang terbaik untuk menukar guna tanahnya daripada rizab ‘pengangkutan’ kepada ‘kegunaan awam’ atau ‘institusi’. Hal ini memerlukan kajian yang lebih lanjut setelah maklumat sempadan

tanah diperolehi daripada Pejabat Tanah Daerah. Kerjasama antara pihak-pihak berkepentingan diperlukan untuk menjamin pengekalan bangunan warisan Rumah Rehat Beserah.




Imej 1: Rumah Rehat Beserah, Jun 2021. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.

Nama Bangunan	Rumah Rehat Beserah
Alamat	Kampung Beserah, Kuantan, Pahang
Latitud/Longitud	3°51'29.4"N 103°22'07.3"E
Tahun Dibina	Sekitar tahun 1927
Kegunaan Asal	Rumah Rehat
Kegunaan Terkini	Rumah Rehat
Klasifikasi Warisan	Tiada
Pemilik Tapak	Kerajaan Pahang Darul Makmur
Majlis Tempatan	Majlis Bandaraya Kuantan
Kegunaan Tanah	Pengangkutan/Rizab Jalan

02 LATAR BELAKANG KAMPUNG PANTAI & BESERAH

2.1 BESERAH

2.1.1 Pada peringkat awal, Beserah terbentuk oleh dua buah kampung iaitu Kampung Pantai dan Kampung Darat. Perkembangan kampung-kampung awal yang lain di Mukim Beserah selari dengan perkembangan industri perikanan setempat, antaranya, Kampung Pelindung, Kampung Rumbia, Kampung Chetty, Kampung Bugis dan Kampung Jeram. Sebuah kampung iaitu Kampung Seberang Che Let bagaimanapun lenyap pada tahun 1985 akibat hakisan ombak.



Imej 2: Lokasi Kampung Pantai, Beserah. Sumber: Google Maps.

"The coastal areas from Endau to Trengganu border had not recovered from the ravages of piracy in the earlier part of the century and the steps taken to suppress piracy from 1836 onwards...Only at Beserah, Kuala Pahang and Kuala Rompin were there well-established villages which could compare in size with those lining the Pahang River. Elsewhere in the coast, settlement was temporary and the population transient. During the fishing season, there was an influx of Terengganu and Kelantan Malays but few remained during the north-east monsoon..."

Cant (1973:10)

2.1.2 Sejarah pembukaan perkampungan Beserah dikaitkan dengan Wan Abdullah bin Abdul Karim yang juga dikenali sebagai Haji Senik (m.1889). Beliau berasal dari Kampung Ketitir, Pattani dan telah mendapat restu perkenan daripada DYMM Sultan Pahang untuk meneroka beberapa tempat termasuk Kampung Teruntum (nama asal Kuantan) sebelum membuka kawasan yang kini dikenali sebagai Beserah, sekitar tahun 1850-an. Kampung Masjid merupakan penempatan yang terawal dibuka oleh beliau (di sekitar tapak masjid dan perigi Haji Senik hari ini). Ketokohan dan peranan beliau dalam peringkat awal pembangunan Beserah turut diperakui oleh pegawai pentadbir British pada zaman tersebut. Nama 'Beserah' dikaitkan dengan sifat tawakalnya untuk menetap di kampung itu - beliau berserah kepada ketentuan Allah.

2.1.3 Sebagai sebuah kawasan sumber perikanan, pembangunan era moden Beserah selari dengan pembangunan bandar Kuantan. Jalan yang dibina untuk menghubungkan Kuantan dengan Beserah pada tahun 1921 berperanan dalam perkembangan eksport hasil sumber Beserah ke Kuantan, Kuala Lumpur dan Singapura di peringkat awal. Mulai tahun 1920-an, pekan kecil Beserah telahpun dilengkapi dengan lampu jalan minyak tanah, balai polis, sekolah dan infrastruktur yang lain, bersama-sama Rumah Rehat Beserah.

2.1.4 Beserah turut berfungsi sebagai dermaga kecil kapal laut pada masa lalu, contohnya kapal Siam Steam Navigation Co. Ltd. sekitar tahun 1900-an dan kapal api Sea Belle milik Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS). Getah juga pernah dirancang untuk dieksport melalui laut dari Beserah pada tahun 1930-an.

2.1.5 Menjelang Perang Dunia II, tentera British yang menyangka bahawa tentera Jepun akan mendarat di sepanjang pantai Beserah sempat membina 7 buah *pillbox* sebagai strategi pertahanan. Namun begitu, pembinaan *pillbox* tersebut ternyata sia-sia kerana tentera Jepun sebaliknya tiba dengan menaiki basikal manakala kapal tentera laut mereka pula mendarat di Teluk Tongkang. Tinggalan struktur-struktur *pillbox* ini masih lagi wujud.

2.1.6 Beserah juga terlibat dalam sejarah perkembangan telekomunikasi negara apabila satelit bumi yang pertama dan terbesar di Malaysia siap dibina di sana pada tahun 1970-an untuk menambahbaik sistem telefon dan televisyen tempatan. Satelit ini bagaimanapun tidak lagi berfungsi dan telah dirobohkan pada tahun 2020.

EKONOMI PERIKANAN

2.1.7 Pada tahun 1904, jumlah penduduk Beserah dianggarkan seramai 3000 orang yang mana majoritinya bergiat dalam industri perikanan, termasuk golongan wanita. Dalam kalangan mereka adalah kumpulan nelayan dari Kemaman yang akan ke Beserah setiap kali datangnya musim menangkap ikan dan pulang ke daerah mereka menjelang musim tengkujuh.

"It was a fairly good year for fishing, but very irregular, the rule being several blank or nearly blank days followed by one day on which every boat would come in loaded rather more deeply than appears safe. One of the heaviest catches of the year was on 6th November, which is unusually late, and exporters at Beserah had to arrange for a steamer to call in. Steamers had given up calling as for several weeks there had been no fish for them. The exports amounted to 16,501 pikuls, value, \$103,778, but it is impossible to estimate the local consumption - probably on a successful day 20 pikuls would be."

Pahang Administration Report 1904, Fishing Industry

2.1.8 Ekonomi perikanan sinonim dengan Beserah bahkan digunakan di dalam buku teks Geografi peringkat sekolah rendah tahun 1950-an sebagai contoh sebuah kampung nelayan (Junior Malayan Geographies Book 2 by G.E.D Lewis 1956). Bab 4 yang bertajuk *Awang the Fisherman, Across Pahang to the East Coast* menggambarkan kehidupan seorang jeragan yang bernama Awang bin Mat Long yang kerjanya menangkap ikan bilis. Hasil tangkapannya dijual kepada Ah Kong yang akan merebus ikan bilis tersebut dalam deretan kuali sebelum dijemur. Stok ikan bilis itu kemudiannya dijual kepada peniaga di Kuantan atau dieksport ke Kuala Lumpur dan Singapura.


2.1.9 Beserah juga merupakan kawasan yang terbaik untuk melihat perkembangan perindustrian perikanan negara. Ramai yang tidak tahu bahawa kilang mengetin ikan yang pertama di Tanah Melayu mula ditubuhkan secara eksperimen oleh Jabatan Perikanan di Beserah pada tahun 1936. Teknologi mengawet yang lebih moden turut dipelopori oleh kilang-kilang mengawet ikan di kawasan ini mulai tahun 1930-an.

2.1.10 Sejarah industri perikanannya yang panjang menyumbang kepada jenama atau reputasi produk makanan laut kering Beserah. Ikan bilis, ikan kering dan keropok di Beserah dikenali ramai kerana rasa dan kaedah penyediaannya yang unik. Ini terbukti melalui keratan-keratan akhbar lama yang kebanyakannya menggambarkan aktiviti penyediaan ikan bilis di Beserah sebagai suasana yang tidak dapat dilupakan.

2.1.11 Cuma beberapa orang sahaja yang pakar menangkap jenis ikan bilis yang ada di Beserah, malah tradisi/kaedah merebus ikan bilis sebelum kerja-kerja pengeringan hanya dapat ditemui di sana. Perkembangan kaedah ini boleh dilihat pada struktur kuali berderet yang digunakan oleh penduduk tempatan terdahulu.

AWANG THE FISHERMAN—BESERAH

25



A Map of Kuantan and Beserah

Find Beserah. How far is it from Kuantan? Measure the distance with a thread. Remember that one inch on the map stands for one mile. Look at the map of Fraser's Hill on page 17. Say which you think is the larger—Beserah or Fraser's Hill?

2+—J.M.G. 2

Imej 3: Peta dan latihan berkaitan dengan Beserah dalam buku teks Geografi tahun 1950-an.



Imej 4: Bumbung kilang mengetin ikan @ Kilang Sardin lama di Beserah kelihatan di sebelah kanan gambar, bersebelahan dengan bangunan Rumah Kastam lama. Sumber: Chan Chew Studio.



Imej 5: Kerja-kerja 'mencekik ikan' untuk menghasilkan ikan masin oleh golongan wanita di Beserah, sekitar tahun 1972. Sumber: Chan Chew Studio.



Imej 6: Kerja-kerja penyediaan ikan bilis di Beserah pada hari ini. Sumber: Facebook Kampung Beserah.



Imej 7: Struktur kuali lama tempat merebus ikan bilis di Beserah. Sumber: Wan Udani Wan Ahmad.

2.1.12 Beserah juga terkenal dengan ikan masin aromatiknya, *mui hiong*, yang dihasilkan menggunakan ikan jenahak. Produk ikan masin ini diminati ramai, terutamanya pelancong dari negara China. Makanan berdasarkan produk laut di Beserah kini bertambah istimewa dengan jualan Mee Calong yang diperbuat daripada bebola ikan selayang/tamban di sebuah warung yang tidak jauh dari Rumah Rehat Beserah, berhampiran dengan pengkalan nelayan. Warung Mee Calong ini popular dalam kalangan pengunjung tempatan dan seakan *trademark* Beserah hari ini.



Imej 8: Warung Mee Calong di Beserah. Sumber: Wan Udani Wan Ahmad.

2.2 PETA PERKEMBANGAN BESERAH



1898



1911




1916



1922


Laluan jalan yang menghubungkan Kuantan dengan Beserah kelihatan.



1925




1928



1944

Rumah Rehat Beserah
ditandakan sebagai
H.B: Halting Bungalow.



1963

Rumah Rehat Beserah
ditandakan sebagai
H.B: Halting Bungalow.

P.S: Police Station


F.C.S: Forest Checking
Station

Sch: School

W.B: Wooden Bridge




1966
Rumah Rehat Beserah
ditandakan sebagai
H.B: Halting Bungalow.



1975

2.3 KAMPUNG PANTAI

2.3.1 Kampung Pantai yang terletak di mukim Beserah merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terkenal dengan aktiviti perikanan dan keindahan alam semula jadinya. Ia membentuk sebahagian daripada kawasan Pekan Beserah dan terletak 8km jauhnya dari bandar Kuantan. Kampung ini berlatarbelakangkan Bukit Pelindung di bahagian selatan dan dipagari kuala Sungai Beserah di bahagian utara. Kedudukan geografinya yang strategik dengan penanda arah semula jadi membantu navigasi para nelayan dan pelayar di perairan sekitar Kuantan selama ini.



Imej 9: Gambar satelit kawasan Kampung Pantai di sekitar Rumah Rehat Beserah. Sumber: Google Earth.
1. Rumah Rehat Beserah; 2. Kilang Sate Zul; 3. Padang Permainan; 4. Warung Mee Calong; 5. Pengkalan Nelayan.

2.3.2 Kampung Pantai di Beserah bukan sekadar sebuah kampung nelayan. Keindahannya selama ini menjadi bualan orang ramai sehingga pernah beberapa kali terpampang di dada akhbar-akhbar luar negara. Kedudukannya di tepi laut, lambai-an nyiur pokok kelapa dan budaya perikanan tradisional yang masih diamalkan menjadikannya destinasi percutian pilihan bagi mereka yang mahu mengecapi ketenangan dan kedamaian. Sejak dahulu lagi, ramai pengunjung tempatan yang akan melawat kampung ini pada hujung minggu untuk menikmati suasana tepi pantai selain menikmati sate atau Mee Calong Beserah yang amat popular, di sekitar Rumah Rehat Beserah.



Imej 10: Keindahan kawasan pantai di sekitar Rumah Rehat Beserah. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.

2.2.3 Rumah Rehat Beserah terletak kira-kira 100 meter jauhnya dari garis pantai, berjiran dengan pengkalan nelayan, bangsal ikan bilis dan *rang* (pelantar) jemur ikan yang masih digunakan sehingga hari ini. Peniaga-peniaga kecil di Kampung Pantai rata-ratanya adalah anak jati Beserah. Rumah rehat ini merupakan bangunan yang kedua paling tua di Beserah selepas Masjid Tokki Haji Senik (~1850-an). Jalan utama untuk ke Rumah Rehat Beserah telah dibina pada tahun 1985 untuk menghubungkan Kampung Pantai dengan Kampung Pelindung.



Imej 11: Pandangan ke arah tumpuan warung berhampiran dengan pengkalan nelayan.
Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor



Imej 12: Kemudahan padang permainan yang terletak berhadapan dengan Rumah Rehat Beserah.

Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.

2.4 PERISTIWA BERSEJARAH DI KAMPUNG PANTAI

BANJIR TAHUN 1927

2.4.1 Sejumlah besar rumah-rumah awal di Kampung Pantai yang diperbuat daripada kayu dan atap nipah hanyut dibawa arus ketika banjir besar melanda kampung tersebut pada 25 Jun 1927. Ramai penduduk dilaporkan kehilangan tempat tinggal dan kebuluran.

LAWATAN SIR HUGH CLIFFORD PADA TAHUN 1927

2.4.2 Lawatan rasmi Sir Hugh Clifford ke Kampung Pantai pada 12 September 1927 merupakan antara peristiwa yang terpenting di kampung ini - menunjukkan bahawa Kampung Pantai memainkan peranan yang lebih besar berbanding dengan perkampungan nelayan yang lain di Beserah pada era tersebut.

2.4.3 Ketika itu, Sir Hugh Clifford baru sahaja dilantik sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Beliau sebelum itu pernah berkhidmat di negeri Pahang dari tahun 1883 hingga 1903. Hubungannya dengan warga Pahang semasa itu dikira baik, oleh itu kepulangannya setelah meninggalkan Tanah Melayu selama 24 tahun disambut dengan meriah. Tujuan utama lawatannya ialah untuk melihat keadaan Kuantan. Antara aktiviti yang dianjurkan di Kuantan sempena lawatan beliau ialah pertandingan sepak raga antara penduduk Kuala Kuantan dengan Beserah di mana wakil Beserah muncul sebagai juara.

2.4.4 Clifford bertolak dari Kuantan ke Beserah dengan menaiki kereta pada pukul 5.00 petang, hari yang sama. Penduduk Beserah menyambut kedatangan beliau dengan membina gerbang-gerbang khas. Sepanjang lawatannya ke Beserah selama satu jam, Clifford turut menyaksikan upacara penarikan perahu payang oleh 20 ekor kerbau dan persembahan Mak Yong sebelum menaiki perahu payang menuju ke kapal Sea Belle untuk pulang ke Kuala Pahang. Rumah Rehat Beserah telah dibina bersempena lawatan beliau ini.

PENDUDUKAN JEPUN 1942-1945

2.4.5 Kampung Pantai turut terkesan oleh Pendudukan Jepun dari tahun 1942 hingga 1945. Ada kemungkinan Rumah Rehat Beserah telah digunakan oleh tentera Jepun sebagai markas mereka, memandangkan ia satu-satunya bangunan milik Kerajaan yang ada di Beserah ketika itu. Menurut Tan Sri Adam Kadir, apabila pihak Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, pasukan tentera Jepun yang berpusat di Beserah telah berkumpul untuk menyerah diri di halaman Rumah Rehat Beserah.

KAJIAN EKONOMI & KESIHATAN OLEH UNIVERSITI MALAYA (1956-1958)

2.4.6 Kampung Pantai dan Kampung Seberang Che Let telah dijadikan kajian kes dua orang pensyarah Universiti Malaya (ketika itu berpusat di Singapura), Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid dan Dr. Ivan Polunin, selama 2 tahun (1956-1958). 30 penuntut perubatan di bawah bimbingan Dr. Ivan dan 7 orang penuntut bidang ekonomi di bawah tunjuk ajar Prof. Ungku Aziz menetap di Kampung Pantai selama 2 bulan (Mei-Julai 1958) untuk memahami gaya hidup, kegiatan ekonomi dan taraf kesihatan masyarakat Berserah.

2.4.7 Pasukan penyelidik dari Universiti Malaya itu turut mengupah nelayan kampung ini untuk membuat contoh pukat payang yang kemudiannya dibawa ke Universiti Malaya untuk kajian lanjut. Mereka semuanya menetap di Rumah Rehat Beserah sepanjang tempoh kajian. Seorang pakar fizik, Dr. MacLean, turut menyertai kumpulan ini dan menjalankan kajian tentang pukat payang. Mereka dibantu oleh penduduk tempatan iaitu Tok Nebeng Osman Mat Diah bersama awak-awaknya. Hasil penyelidikan mereka telah digunakan sebagai panduan oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk menangani kemiskinan dan membangunkan ekonomi negara di peringkat seterusnya.

PEMBINAAN TEMBOK LAUT SEKITAR 1960-an - 1970-an

2.4.8 Pada tahun 1960-an, kejadian hakisan ombak yang teruk di Kampung Pantai memaksa hampir 100 orang penduduk berpindah dari pinggir pantai. Kawasan pantai yang terhakis di sepanjang jalan akses Rumah Rehat Beserah dilaporkan dalam keadaan yang amat membimbangkan - 4 buah rumah sepanjang jalan tersebut telah tumbang dan 8 lagi mula menyenget. Pihak Kerajaan terpaksa menjalankan kerja-kerja menambak. Tembok laut yang dibina telah mengubah garis pantai di hadapan Rumah Rehat Beserah sejauh 60-100 meter ke arah laut.

2.5 KOMUNITI & BUDAYA KAMPUNG PANTAI

2.5.1 Tunjang masyarakat Kampung Pantai ialah komuniti nelayan yang telah bergiat dalam bidang perikanan selama beberapa generasi. Ramai yang mempunyai susur galur dari Terengganu, dan ini dapat dilihat dengan jelas melalui dialek Terengganu yang dituturkan oleh penduduk tempatan.

2.5.2 Masyarakat Cina tempatan juga membentuk kumpulan pengusaha/peniaga perikanan di Kampung Pantai sejak zaman dahulu. Keluarga Koh, contohnya, telah menetap di Kampung Pantai Beserah sejak tahun 1900 dan masih giat menjalankan perusahaan perikanan mereka sehingga hari ini.

2.5.3 Adat-adat lama yang tidak selari dengan agama Islam seperti upacara puja pantai ‘bersemah’ telah lama ditinggalkan oleh masyarakat Kampung Pantai, akan tetapi, tradisi mereka secara amnya masih berorientasikan budaya nelayan. ‘Jong Ikan’ yang pakar mendengar suara ikan di dalam laut masih lagi aktif di kampung ini.

2.5.4 Nelayan-nelayan Kampung Pantai yang terdahulu terkenal dengan perahu payang mereka, iaitu bot laut dalam yang terbesar di Pantai Timur (boleh memuatkan 15 orang). Ia mendapat nama ‘payang’ daripada pukat payang yang digunakan untuk menangkap ikan. Pukat payang nelayan Kampung Pantai adalah antara yang dikaji oleh Jabatan Ekonomi Universiti Malaya pada tahun 1958.

2.5.5 Suatu ketika dahulu, hasil tangkapan nelayan Kampung Pantai akan diangkut dari perahu ke bangsal ikan menggunakan kerbau. Kaedah pengangkutan tangkapan ikan ini hanya dapat dilihat di pantai Beserah. Namun begitu, kemerosotan hasil tangkapan ikan bilis tempatan akhirnya memaksa operasi kereta kerbau tradisi ini dihentikan pada tahun 2008, dan kini digantikan dengan traktor. Budaya penggunaan kereta kerbau ini wajar dihidupkan kembali, setidak-tidaknya sebagai faktor tarikan pelancong ke Kampung Pantai.



Imej 13: kiri - Penggunaan kereta kerbau untuk mengangkut hasil tangkapan. Sumber: Chan Chew Studio;
kanan - Traktor yang kini digunakan oleh nelayan Kampung Pantai untuk menggantikan kuasa kerbau.
Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.

2.6 REKOD GAMBAR LAMA KAMPUNG PANTAI/BESERAH



1944

Sumber: National Archives of Singapore

1. East coast beach (Beserah Bay): high tide looking north.
A typical Casuarina is shown left.



1944

Sumber: National Archives of Singapore

22. Nipah at Beserah, Kuantan.



1960

Sumber: National Archives of Singapore




1960

Sumber: National Archives of Singapore



1960

Sumber: National Archives of Singapore



1960

Sumber: National Archives of Singapore



Tahun tidak diketahui

Sumber: Chan Chew Studio



Tahun tidak diketahui
Sumber: Arkib Negara
Malaysia



Tahun tidak diketahui
Sumber: Arkib Negara
Malaysia



Tahun tidak diketahui
Sumber: Arkib Negara
Malaysia



Tahun tidak diketahui
Sumber: Arkib Negara
Malaysia

Arkib Negara Malaysia



1977

Sumber: National Archives of Singapore



2011

Sumber: Facebook Kampung Beserah



2021


Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor

2.7 PERANCANGAN SEDIA ADA (UNTUK KAMPUNG PANTAI)

2.7.1 Di bawah Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuantan 2035 (Penggantian) yang telah diwartakan pada tahun 2019, Kampung Pantai terletak dalam Blok Perancangan Kecil (BPK) 2.1: Pekan Beserah, iaitu sebahagian daripada Blok Perancangan (BP) 2.0: Beserah. Tapak sedia ada bangunan Rumah Rehat Beserah pula kini dizonkan di bawah guna tanah ‘pengangkutan’.

Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 (Penggantian)

Rajah 2.51 : Peta Cadangan Guna Tanah BPK 2.1 – Pekan Beserah



JILID 2 : PETA CADANGAN GUNA TANAH DAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Imej 14: Peta Guna Tanah tapak Rumah Rehat Beserah tertera sebagai rizab jalan dalam Rancangan Daerah Tempatan Kuantan 2035.

03 RUMAH REHAT BESERAH

3.1 LOKASI

3.1.1 Bangunan Rumah Rehat Beserah dahulunya terletak di pinggir pantai Laut China Selatan. Ia diancam oleh hakisan ombak yang teruk pada tahun 1960-an tetapi terselamat setelah sebuah tembok pantai dibina 60-100 meter ke arah laut sekitar era tersebut. Luas tapak rumah rehat ini lebih kurang setengah ekar; disempadani jalan berturap di bahagian hadapan, sisi kiri dan belakang rumah, serta tanah milik jiran di sisi kanan. Gambar-gambar lama menunjukkan kewujudan pagar yang pernah dibina di sekeliling tapak ini.

"The one-street village, standing on a narrow wedge of sand 15 feet above sea, has some 40 attap shop houses, dry fish stores and a mosque set among tall coconut palms.....The street ends abruptly at the enclosure of the sombre Rest House which has a wide verandah facing the open South China Sea."


The Straits Times, A Sleepy Little Village, Away from it All, 25 Mei 1952, ms.4



Imej 15: Sempadan halaman Rumah Rehat Beserah. Sumber: Google Earth.

A.Bangunan utama; B. Rumah Penjaga/Dapur; C: Koridor Berbunga.

3.1.2 Bangunan ini dikelilingi oleh kediaman penduduk tempatan, dan terletak tidak jauh dari pengkalan nelayan, dewan orang ramai, warung, padang permainan dan sebuah kilang sate. Biarpun jarak antara rumah rehat ini dengan pinggiran pantai telah bertambah (berbanding dengan jarak asal), suasana persekitaran pantainya masih lagi dapat dinikmati dari halaman hadapan tanpa sebarang halangan visual.



Imej 16: Pemandangan dari serambi Rumah Rehat Beserah hari ini. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.

3.2 SEJARAH BANGUNAN

3.2.1 Rumah Rehat Beserah dahulunya dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai ‘Beserah Resthouse’. Ia juga tercatat sebagai sebuah *halting bungalow* yang bermaksud rumah persinggahan. Pembinaan bangunan rumah rehat ini berkait rapat dengan lawatan Sir Hugh Clifford pada 12 September 1927 setelah kejadian banjir besar pada awal tahun 1927.

3.2.2 Pemilihan lokasi rumah rehat di bawah pentadbiran British bergantung kepada nilai ekonomi yang ditawarkan oleh sesuatu tempat, ataupun kedudukannya di sepanjang laluan hubungan utama seperti jalan raya ataupun landasan kereta api. Bangunan rumah rehat lain yang telah didirikan di negeri Pahang oleh Pentadbiran British ialah Rumah Rehat Kuantan, Rumah Rehat Kuala Lipis, Rumah Rehat Kuala Pahang, Rumah Rehat Pekan dan Rumah Rehat Raub.

3.3.3 Fungsi rumah rehat hampir sama dengan hotel tetapi tanpa kemudahan atau perkhidmatan tertentu. Di Malaysia, istilah ‘rumah rehat’ selalunya dikaitkan dengan tempat penginapan yang dimiliki oleh pihak Kerajaan. Kaitannya dengan pengurusan kerajaan juga jelas dalam Kamus Dewan yang menyatakan maksud rumah rehat sebagai ‘bangunan (yang disediakan oleh kerajaan) yang memberi kemudahan penginapan (spt hotel) terutamanya untuk kakitangan kerajaan.’

3.3.4 Dua jenis penginapan telah ditawarkan oleh rumah rehat kerajaan pada masa lalu iaitu i) Penginapan & Makanan (*board*) dan ii) Penginapan sahaja (*lodging*). Pengunjung akan menempah makanan daripada Penjaga (*caretaker*) rumah rehat. Kadar harga penginapan

pada era 1910-an ialah antara 4 *shillings 8 pence* sehari (*board*) hingga 2 *shillings 4 pence* sehari (*lodging*). Kadar yang dikenakan untuk Rumah Rehat Beserah belum dapat dipastikan.

3.2.5 Sebagai sebuah rumah rehat kerajaan, pengurusannya pada peringkat awal pastinya lebih formal dan mengutamakan pegawai kerajaan British. Antara kemungkinan mengapa penduduk tempatan dikatakan tidak dibenarkan masuk ke halaman rumah rehat ini dahulu adalah atas faktor keselamatan dan juga persepsi pengurus rumah rehat pada masa lalu yang melihatnya sebagai *private property*. Bagaimanapun, laporan-laporan akhbar tahun 1950-an menyatakan bahawa halaman Rumah Rehat Beserah meriah pada setiap hujung minggu dengan pengunjung yang datang untuk menikmati sate jualan Dolahkarea di situ. Catatan aktiviti ini menunjukkan bahawa halaman rumah rehat ini telahpun dibuka kepada orang ramai menjelang kemerdekaan negara.

3.2.6 Sate Beserah dahulunya amat popular dan nodusnya ialah di rumah rehat ini. Pada hari ini, terdapat sebuah kilang menjual sate, Kilang Sate Zul, yang bersebelahan dengan Rumah Rehat Beserah. Penduduk Kampung Pantai terlibat dalam perusahaan sate kilang tersebut - dalam kalangan mereka ada yang mengambil upah mencucuk sate. Kewujudan perusahaan sate di kawasan yang sama selama beberapa dekad menunjukkan populariti sate Beserah tersebut.

3.2.7 Sebagai rumah penginapan utama di Beserah selama ini, ia pernah didiami oleh ramai pegawai kerajaan dan hampir setiap pengunjung yang pernah ke Beserah, namun, penyewanya yang paling diingati ialah kumpulan 37 orang penuntut Universiti Malaya (Singapura) di bawah tunjuk ajar Prof. Diraja Dr. Ungku Aziz dan Dr. Ivan Polunin yang menjalankan kajian taraf kesihatan dan kegiatan ekonomi nelayan Beserah. Mereka menetap di Rumah Rumah Beserah selama dua bulan (Mei-Julai 1958). Rumah Rehat Beserah ini menjadi pusat perbincangan dan penyelidikan bagi Laporan Kajian Kemiskinan Masyarakat yang seterusnya menjadi asas kepada Dasar Ekonomi Baru negara yang diusulkan secara rasmi pada tahun 1971.

3.2.8 Antara personaliti terkenal yang pernah menginap di sini pada masa lalu ialah Sultan Perak ke-34, DYMM Sultan Azlan Shah (l.1928-m.2014) dan YMM Tengku Ampuan Pahang Fatimah (l.1899-m.1983).

3.2.9 Rumah rehat ini berkemungkinan besar telah digunakan oleh sebagai markas tentera Jepun semasa Zaman Pendudukan Jepun (1941-1945). Menurut sumber lisan, halaman Rumah Rehat Beserah telah dijadikan tempat berkumpul tentera Jepun sebelum menyerah secara rasmi kepada Tentera Bersekutu.

3.2.10 Rumah rehat ini mula dibuka kepada orang awam sekitar tahun 1950-an, dan dalam tahun kebelakangan ini sering didiami oleh kumpulan kaki pancing yang turut serta

memeriahkan aktiviti dan budaya menangkap ikan di Beserah. Operasi Rumah Rehat Beserah hanya terhenti pada tahun 2021 akibat Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung pandemik Covid-19.

3.3 PENJELASAN SENI BINA

3.3.1 Rupa bentuk asal Rumah Rehat Beserah seangkatan dengan seni bina perkampungan nelayan di Kampung Pantai Beserah pada masa lalu yang berpanggung dan dibina menggunakan kayu serta atap nipah. Reka bentuknya tidak lari jauh daripada rumah pegawai kerajaan ataupun rumah ladang yang dibina oleh pihak British di negeri Pahang pada era 1880-an yang mengadaptasi ciri-ciri seni bina tempatan.

3.3.2 Penggunaan bumbung panjang dan bercuram tinggi (seakan-akan huruf 'A') berupaya untuk menangani masalah hujan lebat dan angin kencang terutamanya ketika musim tengkujuh (bulan Disember hingga Januari). Reka bentuk bumbung tinggi sebegini bersesuaian dengan iklim tropika kerana ia juga membenarkan pembebasan haba yang terkumpul di ruang dalaman melalui celahan atap.

3.3.3 Tipologi rumah rehat ini mirip rumah bujang berserambi/berselasar yang biasanya banyak ditemui di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Serambi merupakan ruang pertama yang menyambut tetamu ke dalam rumah. Ia digunakan sebagai ruang interaksi sosial dari mana ibu bapa juga dapat mengawasi anak-anak mereka yang bermain di halaman.




Imej 17: kanan - Ilustrasi kediaman nelayan bernama Awang di Beserah dalam buku teks Geografi tahun 1950-an; kiri - Rumah Pengurus Ladang tahun 1890-an. Sumber: University of Leiden.

3.3.4 Tipologi seni bina Rumah Rehat Beserah dilihat sebagai wakil reka bentuk rumah rehat era 1920-an negeri Pahang yang juga melambangkan cara hidup di kawasan Kampung Pantai pada masa lalu. Bangunan asalnya dibina menggunakan kayu dan atap nipah, sama dengan kaedah pembinaan rumah perkampungan tradisional tepi pantai yang lain. Tipologi rumah rehat ini bagaimanapun berlainan daripada rumah rehat lama yang terdapat di kawasan bandar ataupun pekan-pekan berhampiran.



Imej 18: Rupa asal Rumah Rehat Beserah sebelum pengubahsuaian dijalankan.

Sumber: Facebook Kampung Beserah.



Imej 19: Lakaran asas susun atur Rumah Rehat Beserah yang asal.

Susun atur ruang dalaman memerlukan kajian lanjut. Sumber: Mariana Isa.

3.3.5 Bangunan rumah rehat satu tingkat ini dianggarkan berukuran 50 kaki x 17 kaki dengan jarak antara tiang hadapan sepanjang 10 kaki. Ketinggian aras lantainya kira-kira 3 kaki dari aras tanah. Kemudahan seperti tandas dahulunya dibina berasingan di belakang rumah. Ruang dapur atau rumah penjaga telah dibina di halaman belakang.

3.3.6 Seni bina Rumah Rehat Beserah merujuk kepada ciri asas rumah vernakular tradisional iaitu pembinaan rumah berpanggung (rumah berlantai tinggi tanpa bersentuh dengan permukaan tanah). Ianya bertujuan untuk mengelakkan kejadian banjir dan ancaman binatang berbahaya seperti ular. Lantai yang ditinggikan memberi pengalaman ruang yang berbeza antara bahagian luaran dan dalaman rumah rehat tersebut. Ia juga membenarkan laluan angin dari bahagian bawah rumah masuk ke ruang dalaman untuk mengurangkan suhu; haba dari tanah juga tidak dapat dipindahkan ke lantai.



Imej 20: Persekutuan Rumah Rehat Beserah sekitar tahun 1936.

Sumber: Facebook Kampung Beserah.

3.3.7 Rumah Rehat Beserah telah dirancang dengan penggunaan ruang serambi menghadap ke arah laut. Ruang serambi asal bangunan ini merupakan ruang ketibaan utama yang berhubung dengan ruang tamu dan bilik-bilik tidur (lihat Imej 19).

3.3.8 Ciri-ciri seni bina luaran yang paling ketara ialah bumbung panjang yang curam. Unjurannya lebih panjang di bahagian hadapan untuk menutup ruang serambi berbanding unjuruan bahagian belakangnya, sama seperti kebanyakan rumah tradisional Pahang.

3.4 PENAMBAHAN DAN PENGUBAHSUAIAN SENI BINA

3.4.1 Tiada simpanan rekod pelan, lukisan atau dokumentasi untuk bangunan Rumah Rehat Beserah yang ditemui setakat ini. Hanya dua keping gambar lama bangunan ini yang dapat dirujuk untuk mengenalpasti pengubahsuaian yang telah dijalankan. Perubahan yang paling ketara adalah di bahagian serambi, bentuk dan kemasan bumbung, tingkap dan pintu, tambahan bilik tandas dan struktur bumbung yang menghubungkan rumah penjaga.



Imej 21: Rumah Rehat Beserah dari sisi kiri, Jun 2021. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor

3.4.2 Perletakan ruang serambi asal adalah di antara 4 tiang. Serambi tersebut telah diubahsuai pada satu peringkat menjadi sebuah bilik tidur dan ruang masuk utama. Struktur serambi baharu dengan kelebaran kira-kira 7 kaki di antara 6 tiang telah ditambah di bahagian hadapan.


3.4.3 Bumbung atap nipah yang asal telah diganti dengan kepingan zink berwarna biru. Kecuraman bumbung asal ini jelas berbeza dengan bumbung serambi yang baharu. Bahagian bawah rumah rehat yang dahulu terbuka, kini ditutupi dengan blok pengudaraan bercorak. Dedaun tingkap kayu bangunan telah digantikan dengan tingkap ram kaca boleh laras. Beberapa buah pintu juga telah diganti baharu. Dinding-dinding kayu bangunan ini juga telah dicat.



Imej 22: Perbandingan antara rupa bentuk bangunan asal (kiri) dengan yang terkini (kanan).



Imej 23: Pandangan hadapan Rumah Rehat Beserah hari ini. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.



Imej 24: Lakaran asas susun atur Rumah Rehat Beserah hari ini.
Susun atur dalaman memerlukan kajian lanjut. Sumber: Mohd Azmi bin Abd. Sukor.



Imej 25: Perbandingan rupa bentuk sisi kiri Rumah Rehat Beserah, kiri: 1936, tengah: 2004, kanan: 2021.
Sumber: Facebook Kampung Beserah.



Imej 26: Ruang serambi tambahan. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.



Imej 27: Pandangan belakang Rumah Rehat Beserah. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.



Imej 28: Keadaan luaran bangunan di bahagian kiri. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.



Imej 29: Rumah penjaga di halaman belakang. Sumber: Mohd Azmi Abd. Sukor.

3.5 KRONOLOGI PENGGUNAAN BANGUNAN

3.5.1 Rumah Rehat Beserah beroperasi sebagai sebuah rumah rehat milik Kerajaan secara berterusan, bermula dari tahun 1927 sehingga tahun 2021 apabila Perintah Kawalan Pergerakan diperketatkan untuk mengawal pandemik Covid-19. Pada peringkat awal, keutamaan diberikan kepada tempahan oleh pegawai kerajaan namun ia mula dibuka kepada pengunjung awam selepas kemerdekaan negara.

3.5.2 Kegunaan bangunan ini semasa Pendudukan Jepun tidak jelas, tetapi memandangkan ia satu-satunya bangunan milik Kerajaan di Beserah, ada kemungkinan besar ia digunakan sebagai markas atau kediaman pegawai Jepun antara tahun 1942-1945. Penggunaannya di era ni memerlukan kajian lanjut.

3.5.3 Rumah Rehat Beserah telah diletakkan dibawah pengurusan Pejabat Daerah sebelum diserahkan kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK). Pada tahun 2000-an, MPK telah meluluskan permohonan untuk menguruskan rumah rehat bagi tujuan pelancongan oleh Encik Abdul Talib bin Awang. Operasi rumah rehat ini bagaimanapun terhenti sekitar tahun 2020-2021 disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan.

3.5.4 Sejak dahulu, bangunan ini mempunyai Penjaga yang dilantik oleh Kerajaan dari kalangan penduduk tempatan. Bangunan tambahan satu tingkat di belakang bangunan utama Rumah Rehat nampak seperti tipologi kuarters pekerja yang bersambung dengan dapur. Rekod nama penjaga-penjaga tersebut bagaimanapun belum dapat diperolehi setakat ini.

04 NILAI WARISAN RUMAH REHAT BESERAH

Nilai bangunan Rumah Rehat Beserah dari aspek sejarah, seni bina dan budaya wajar diketengahkan kepada masyarakat umum agar mereka lebih peka kepada kewujudan tapak dan bangunan warisan sekitar. Bangunan sebegini semakin sukar ditemui, oleh itu, pengekalannya amat penting sebagai warisan buat generasi akan datang.

4.1 KEPENTINGAN SEJARAH

4.1.1 Pembinaannya yang siap beberapa bulan selepas kejadian banjir besar dan bersempena lawatan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu/Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Hugh Clifford, mendapat liputan meluas pada masa lalu. Kewujudan bangunan ini penting sebagai bukti fizikal bahawa lawatan Sir Hugh Clifford ke Beserah pada tahun 1927 itu pernah berlaku.

4.1.2 Sebagai bukti tapak penyerahan tentera Jepun di Beserah kepada Tentera Bersekutu pada tahun 1945.

4.1.3 Pernah dijadikan *base camp* pasukan penyelidik ekonomi untuk menghasilkan laporan kajian kemiskinan yang mempengaruhi Dasar Ekonomi Baru negara. Rumah rehat ini merupakan tempat di mana perbincangan tentang arah tuju awal ekonomi negara dijalankan - fakta ini seharusnya disertakan dalam sejarah umum. Prof. Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz merupakan cendekiawan terulung negara, manakala Dr. Ivan Polunin pula merupakan seorang doktor, penulis, jurugambar dan pembuat filem yang disegani. Rumah Rehat Beserah merakam perkembangan awal pemikiran pakar-pakar dan cendekiawan tersohor rantau ini. Kerjasama dan hubungan yang terjalin di antara mereka dengan kumpulan penduduk ketika itu amat istimewa, dan secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengolahan Dasar Ekonomi Baru.

4.1.4 Kewujudan rumah rehat ini membentuk sebahagian daripada kehidupan harian penduduk Kampung Pantai selama ini dan wajar dilanjutkan ke generasi akan datang, sama ada sebagai pengajaran sejarah ataupun mercu tanda identiti masyarakat Kampung Pantai.

4.1.5 Rumah rehat milik Kerajaan pada masa lalu hanya dibina di kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi, oleh itu, kewujudan rumah rehat ini di Kampung Pantai membuktikan bahawa kawasan ini bukan calang-calang kampung.

4.1.6 Melengkapkan naratif sejarah Beserah sejak pembukaannya sekitar tahun 1850-an sehingga era pasca-merdeka. Bangunan yang dahulunya khusus untuk kegunaan pegawai kerajaan kini boleh didiami oleh rakyat tempatan. Tanpa kewujudan bangunan ini di tapaknya sekarang, kisah Kampung Pantai serta mukim Beserah tidak akan lengkap.

4.1.7 Sebagai bukti kewujudan sebuah rumah rehat yang beroperasi selama 9 dekad.

4.2 KEPENTINGAN SENI BINA

4.2.1 Merujuk kepada maklum balas yang diterima daripada beberapa penduduk tempatan dan bekas pengunjung, Rumah Rehat Beserah merupakan mercu tanda yang tertanam dalam minda penduduk setempat selama 93 tahun. Ia hadir dalam ingatan kognitif masyarakat dalam proses mentafsir, mempelajari dan memahami tipologi seni bina bangunan, transformasi persekitaran, serta keadaan semasa masyarakat tempatan.

4.2.2 Ciri-ciri reka bentuk Rumah Rehat Beserah memberi gambaran utuh terhadap seni bina zamannya yang lestari (*sustainable*), bersesuaian dengan budaya dan gaya hidup masyarakat tempatan, serta peka kepada keadaan iklim setempat dan persekitaran pantai Beserah.

4.2.3 Seni bina zaman pentadbiran British ini dibina sepenuhnya oleh tukang-tukang tempatan dan merupakan contoh tipologi rumah rehat kerajaan tepi pantai zaman 1920-an yang masih wujud.

4.2.4 Memberi kesinambungan kepada bangunan bersejarah yang lain di Beserah seperti masjid, rumah kedai, rumah tradisional, dsb. yang masih dalam skala ketinggian fizikal peringkat awal perkembangan Beserah.

4.3.5 Kampung Pantai merupakan satu-satunya kampung tradisi nelayan yang terletak dalam kawasan bandar. Morfologinya sebagai sebuah kampung tradisi nelayan amat jelas. Sebagai mercu tanda Beserah selama 93 tahun, Rumah Rehat Beserah merupakan komponen Kampung Pantai yang amat penting.

4.2.6 Rumah Rehat Beserah ini wajar diangkat sebagai Identiti warisan seni bina negeri Pahang. Secara umumnya, bangunan sebegini tidak akan dibina lagi oleh mana-mana pihak, baik pada masa sekarang maupun pada masa hadapan. Kehilangannya akan membawa kepada kerugian identiti yang besar kepada Kampung Pantai dan juga negeri Pahang.

4.3 KEPENTINGAN BUDAYA & SOSIAL

4.3.1 Semua aktiviti dan kegiatan penduduk/pengunjung Beserah mengambil tempat di sekitar rumah rehat ini. Biarpun ianya milik Kerajaan, ia telah menjadi sebahagian daripada latar belakang aktiviti harian masyarakat Kampung Pantai selama ini, dan dengan itu, merupakan pelengkap identiti persekitaran budaya dan warisan Beserah.

4.3.2 Mee Calong yang merupakan tarikan makanan utama Beserah hari ini dijual tidak jauh dari Rumah Rehat Beserah. Jualan sate masih diteruskan berhampiran rumah rehat ini sejak tahun 1950-an (sate Beserah kekal sebagai satu 'jenama'). Tidak lupa juga produk makanan laut kering seperti ikan masin, ikan bilis serta juadah berasaskan ikan seperti keropok lekor. Kehadiran Rumah Rehat Berserah sebagai latar belakang aktiviti jual beli bahan makanan di Kampung Pantai melengkapkan suasana budaya kawasan ini.

4.3.3 Rumah rehat ini juga dapat dilihat dari laut. Ia merupakan mercu tanda bagi golongan nelayan yang pergi balik dari pengkalan menggunakan jalan akses yang sama, melewati bangunan tersebut setiap hari.

4.3.4 Rumah Rehat Beserah merupakan tempat menginap dan bersosial setiap pengunjung yang datang ke Beserah. Pengalaman di rumah rehat inilah yang membentuk persepsi dan memori peribadi mereka tentang Beserah.

4.3.5 Budaya hidup di Kampung Pantai dan kampung-kampung lain di Beserah teramat istimewa, apakah lagi dikala modenisasi gaya hidup masyarakat hari ini sedang berlangsung. Bukti keunikannya dapat dilihat melalui rakaman fotografi dan hasil seni oleh pelukis tempatan dan luar negara. Harga jualan lukisan cat air oleh Yong Look Lam, 'Kampung Beserah II, Kuantan' sebanyak RM5000-RM9000 pada tahun 2007 menunjukkan nilai suasana kampung-kampung tradisi nelayan di Beserah kepada masyarakat umum hari ini.



8

YONG LOOK LAM

b. Selangor, 1962

*Kampung Pantai Berserah,
Kuantan II, 2007*

signed and dated (lower right)
watercolour on paper
56 x 76cm

PROVENANCE
Private collection, Selangor

RM 5,000 – 9,000

Kampung Pantai Berserah is the oldest fisherman's village in that area. It is filled with fishing activities as it is the main source of income for the people. People are seen resting under the gazebo. The artist brilliantly captured the lighting and shadow effect. On hot sunny day, it's a bliss to be under the shades.

Yong Look Lam obtained a double Diploma from the Kuala Lumpur College of Art (Painting, 1982 & Watercolours, 1983). He was adjudged 2nd runner-up in the prestigious Malaysia UOB Painting of the Year in 2011 besides 2nd Prize in the Malaysian Landscape art competition organised jointly by the National Art Gallery and Public Finance in 1984. He was also one of the three major winners of the Malaysian Watercolour Society (MWS) Awards in 1987. He was a founding member of the MWS. He is the president of the Negeri Sembilan Art Society (founded in 1965) and manager of the Willow Art Centre in Negeri Sembilan.

Imej 30: Kampung Pantai Beserah, Kuantan II oleh Yong Look Lam.

Sumber:[Malaysia & South East Asia Art 23 Ogos 2020](#), Henry Butcher Art Auctioneers

4.3.6 Keistimewaan suasana perkampungan Beserah juga diperakui menerusi pemilihannya sebagai lokasi penggambaran sejak tahun 1980-an. Antara filem-filem yang pernah menjalani penggambaran di Beserah ialah Jungle Princess (1929), Perjanjian Syaitan (1981) dan Anak Harimau. Rumah Rehat Beserah merupakan tempat berkumpul kru-kru filem yang terlibat.



Imej 31: Filem Jungle Princess yang dirakam di Beserah, dibintangi oleh Dorothy Lamour.

Sumber: Perpustakaan Awam Negeri Pahang.



Imej 32: Klip dari filem Perjanjian Syaitan yang dirakam di Beserah. Sumber: Wan Udani Wan Ahmad.

05 PIHAK BERKEPENTINGAN

5.1 PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

5.1.1 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) merupakan unit yang diberi mandat untuk menguruskan Rumah Rehat Beserah. Ia telah ditubuhkan pada tahun 1965 dengan tujuan meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial negeri terutamanya di kawasan luar bandar. Sebarang cadangan pembangunan untuk Rumah Rehat Beserah perlu dibuat melalui PKNP.

5.2 PENDUDUK KAMPUNG PANTAI

5.2.1 Penduduk Kampung Pantai telah menetap di kampung mereka selama beberapa generasi dan rata-ratanya amat menjiwai warisan dan budaya setempat. Mereka memiliki jati diri yang kukuh dan sedar akan nilai warisan/peranan Rumah Rehat Beserah serta elemen budaya lain yang telah diwarisi.

5.2.2 Majoriti penduduk Kampung Pantai melihat Rumah Rehat Beserah sebagai mercu tanda kampung mereka dan tidak bersetuju untuk ianya dirobohkan. Atas inisiatif sendiri, penduduk Kampung Beserah telah mula mempromosi sejarah dan warisan mereka di laman maya seperti Facebook. Malah mereka yang memulakan kempen untuk menyelamatkan bangunan Rumah Rehat Beserah dari diroboh dan mencipta tagar #selamatrumahrehatbeserah.

5.2.3 Wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung (JKKK) Kampung Pantai dan KEMAS Kampung Pantai, Beserah telah menghantar surat bantahan rasmi terhadap cadangan meroboh bangunan Rumah Rehat Beserah kepada Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang pada 12 Mei 2021. Salinan surat bantahan tersebut turut dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang; Yang Berhormat Penggerusi Jawatankuasa Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang; Yang Berhormat Penggerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang; Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan; Penghulu Mukim Beserah; dan pengelola akaun Facebook 'Kampung Beserah'.

5.2.4 Sebuah portal undian secara maya juga telah dimulakan oleh pengelola Facebook Kampung Beserah pada bulan Mei-Jun 2021 untuk melihat respons orang awam kepada nasib Rumah Rehat Beserah di mana 94.3% bersetuju bahawa ianya tidak wajar dirobohkan.



Imej 33: Carta keputusan undian untuk Rumah Rehat Beserah yang dijalankan pada bulan Mei-Jun 2021.

Sumber: Wan Udani Wan Ahmad.

5.3 NELAYAN DAN KAKI PANcing

5.3.1 Kumpulan kaki pancing adalah antara kumpulan pengunjung utama ke Kampung Pantai. Rumah Rehat Beserah merupakan tempat penginapan atau tempat persinggahan yang boleh disewa pada kadar yang berpatutan. Reka bentuknya juga sesuai dengan jiwa dan gaya hidup para pemancing.

5.4 MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

5.4.1 Majlis Bandaraya Kuantan merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab ke atas perancangan pembangunan di Kampung Pantai.

5.5 PENGURUS RUMAH REHAT BESERAH

5.5.1 Pihak yang menguruskan Rumah Rehat Beserah dilantik oleh PKNP, dan bertanggungjawab ke atas penyeliaan, penyelenggaraan dan promosi tempat ini.

5.6 KEMENTERIAN/JABATAN PELANCONGAN

5.6.1 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Pejabat Pelancongan Pahang (Tourism Pahang) atau Bahagian Pelaburan & Pelancongan Majlis Bandaraya Kuantan berperanan dalam sektor pelancongan/kebudayaan serta usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di peringkat nasional dan antarabangsa. Sokongan pihak ini kepada promosi dan interpretasi sejarah Rumah Rehat Beserah kepada pelancong tempatan dan luar negara amat penting dalam usaha untuk mengetengahkanya sebagai sebuah bangunan warisan yang istimewa dan menarik.

06 ISU DAN ANCAMAN

6.1 NIAT UNTUK MEROBOH - PERLU TINDAKAN SEGERA

6.1.1 Rumah Rehat Beserah diancam oleh niat untuk meroboh sehingga visi atau polisi yang jelas dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Tanpa perlindungan di peringkat daerah atau negeri, tekanan pembangunan harta tanah atau infrastruktur mungkin digunakan sebagai alasan untuk merobohkan bangunan berusia 93 tahun ini.

 NOTIS SEBUTHARGA					
<p>Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-</p>					
NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARikh PENJUALAN SEBUTHARGA	HARGA DAN BAYARAN	TEMPAT, TARikh DAN WAKTU TUTUP SEBUTHARGA
BCIC/SH/01/2021	KERJA MEROBOH BANGUNAN RUMAH REHAT SEDIA ADA DAN KERJA - KERJA BERKAITAN DI BESERAH, KUANTAN, PAHANG.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04	Tingkat 1, Kompleks Dagangan Mahkota, Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang. Tarikh Jual Sebutharga : 27.04.2021 (Selasa) hingga 03.05.2021 (Isnin) Waktu Jual : 9.00am - 12.00pm 2.00pm - 4.00pm	RM 10.00 (Tidak akan dikembalikan)	Tingkat 1, Kompleks Dagangan Mahkota, Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang. Tarikh Tutup : 05.05.2021 (Rabu) Masa : 12.00 Tengah Hari
<p>Kontraktor adalah digalakkan untuk mengadakan lawatan sendiri ke kawasan atau tapak projek berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan / maklumat tambahan bagi menyediakan tawaran sebutharga. Sekiranya Kontraktor mengadakan lawatan secara sendiri, amalan penjaraikan, penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan pemakaian <i>face mask</i> adalah perlu diteruskan.</p> <p>Bayaran Dokumen Tawaran dalam bentuk wang tunai (Bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan satu salinan semasa membeli dan mengambil Dokumen Sebutharga.</p> <p>Dokumen Sebutharga yang lengkap disi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor rujukan Dokumen Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat :-</p> <p style="text-align: center;">Pengurus , BCIC Holdings Sdn. Bhd., Tingkat 1, Kompleks Dagangan Mahkota, Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang.</p> <p style="text-align: center;">No Tel : 09 5739977/ 09 5729597</p> <p>Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.</p> <p>Tarikh Notis Dikeluarkan :20.04.2021</p>					

Imej 34: Notis sebutharga untuk meroboh bangunan Rumah Rehat Beserah yang diumumkan pada 20 April 2021.

6.2 GUNA TANAH

6.2.1 Guna tanah bagi bangunan ini dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuantan 2035 (Penggantian) ialah ‘pengangkutan/rizab jalan’. Sempadan lot yang tidak disertakan dalam pemetaan dokumen tersebut menimbulkan persoalan tentang status tanah Rumah Rehat Beserah selama ini. Sebarang kerja-kerja pelebaran jalan di masa hadapan mengancam kedudukan dan kewujudannya di tapak sedia ada. Usaha untuk melindungi dan mengekalkan bangunan ini perlu dimulakan secara serius oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama penduduk tempatan.

6.3 BENTUK WARISAN YANG JARANG DIIKTIRAF

6.3.1 Rumah Rehat merupakan warisan seni bina yang jarang diketengahkan atau diiktiraf di Malaysia. Kewujudan rumah rehat kerajaan di peringkat awal perkembangan setiap pekan atau kampung yang penting sebenarnya menunjukkan lapisan sejarah pentadbiran/ekonomi tempatan yang belum terungkap.

6.4 OPERASI RUMAH REHAT

6.4.1 Pengurusan rumah rehat ini adalah dibawah kelolaan PKNP, dan ditender kepada pihak terpilih. Biarpun jumlah biliknya hanya 4-6 buah, pengalaman untuk tinggal di sebuah bangunan kayu binaan tahun 1927 yang ditawarkan amat berharga. Pihak pengurusan yang dilantik mestilah prihatin terhadap keistimewaan sejarah, seni bina dan budaya bangunan ini agar dapat menyelia kerja-kerja penyelenggaraan dengan sebaiknya, dan mempromosikan rumah rehat ini sebagai lokasi penginapan yang istimewa.

6.4.2 Situasi yang timbul lanjutan dari pandemik Covid-19 memaksa rumah rehat ini untuk ditutup pada awal tahun 2021. Ia tidak didiami oleh sesiapa buat masa sekarang. Ini adalah masa yang terbaik untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility*) atau kelestarian (*sustainability*) bangunan ini sebagai sebuah rumah rehat buat jangka masa yang panjang.

6.4.3 Persepsi terhadap nilai dan operasi sesebuah bangunan warisan perlu diubah agar strategi untuk menjana pulangan ekonomi yang sewajarnya dapat dirangka secara efektif. Keunikan rumah rehat berusia 93 tahun inilah yang akan menarik pengunjung dari serata dunia, dan membawa masuk pendapatan secara tidak langsung kepada penduduk Kampung Pantai Beserah.

6.5 PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN YANG TIDAK PEKA KEPADA ELEMEN WARISAN

6.5.1 Sebarang pengubahsuaian yang dijalankan perlulah peka kepada skala dan elemen warisan bangunan ini agar ia nampak sepadan dan tidak cuba bersaing dengan seni bina Rumah Rehat Beserah yang bersifat sederhana. Bahagian asal bangunan perlu dikenalpasti dan dipelihara. Tambahan sedia ada yang tidak bersesuaian sebaik-baiknya ditanggalkan.

6.5.2 Namun begitu, sebelum sebarang keputusan dibuat, pihak berkepentingan mestilah memahami bahawa tidak semua aspek bangunan ini perlu dimodenkan. Sebagai bangunan tepi laut yang direka khusus untuk menangani pengudaraan dan pencahayaan semula jadi, kemudahan penginapan yang asas sudah cukup untuk memberi keselesaan kepada pengunjung yang mahu mencapai pengalaman yang berbeza.

6.6 PERSEPSI MASYARAKAT

6.6.1 Persepsi masyarakat apabila menilai seni bina bangunan-bangunan kayu perlu diubah. Nilai struktur-struktur sebegini, terutamanya yang mempunyai sangkut paut dengan sejarah setempat sebenarnya amat berharga. Bahan binaan kayu berkualiti tinggi yang digunakan juga agak mahal pada hari ini. Bangunan gaya kontemporari yang dibina pada zaman sekarang tidak setanding dengan nilai elemen warisan pada bangunan Rumah Rehat Beserah, biarpun ia kelihatan sederhana.

6.6.2 Persepsi pihak pengurusan yang melihat jumlah bilik atau kemudahan Rumah Rehat Beserah sebagai tidak memadai atau tidak memulangkan hasil yang diingini, harus diubah. Operasi penginapan terkini seperti Airbnb atau *retreat house* tidak memerlukan jumlah bilik yang banyak. Ide-ide konvensional untuk operasi hotel/rumah rehat moden tidak sesuai digunakan untuk Rumah Rehat Beserah kerana nilai warisannya lebih tinggi daripada nilai ekonomi. Ramai yang belum memahami bahawa nilai warisan Rumah Rehat Beserah merupakan aspek yang akan menjana pulangan yang lebih besar buat penduduk kampung.

6.6.3 Dari segi pelancongan, pihak pengurusan dan masyarakat perlu sedar bahawa suasana asli Kampung Pantai dan Rumah Rehat Beserah mempunyai daya tarikan pelancongan yang kuat, malah berpotensi untuk bersaing dengan tumpuan pelancongan yang lain seperti Cherating dan Balok. Ramai pelancong dari luar negara yang menabung untuk melawat tempat-tempat sebegini, sedangkan kita memandangnya secara lewa.

6.6.4 Karya pelukis-pelukis yang mendapat ilham daripada suasana persekitaran kampung nelayan yang asli sering diketengahkan di peringkat antarabangsa dan dibeli oleh peraih seni, antaranya, pameran 'Chan Fee Ming: Weaving the World in Watercolour in Hong Kong' oleh Christie pada tahun 2015. Karya Chan Fee Ming juga pernah dipamerkan di Bank Negara di bawah tema '[Terengganu: Selaut Kasih Sepantai Sayang](#)' pada tahun 2016. Naratif dan tema sebegini memang memberi kesan kepada masyarakat - sayang jika hanya boleh ditatap dalam bingkai gambar dan tidak dapat dialami atau dinikmati dengan mata sendiri.

07 PELUANG DAN POTENSI

7.1 Sebagai sebuah rumah rehat berusia hampir 100 tahun yang menawarkan pengalaman gaya hidup tepi laut sebuah kampung nelayan yang asli, ianya berpotensi sebagai aset untuk menarik kedatangan pengunjung ke Kampung Pantai. Sambutan usianya yang ke-100 tahun pada tahun 2027 kelak wajar disambut dengan meriah; pihak-pihak berkepentingan boleh menggunakan tarikh sambutan tersebut untuk mempromosi keistimewaan bangunan ini kepada orang awam secara besar-besaran. Liputan media yang meluas tentang Rumah Rehat Beserah dengan tagar #selamatrumahrehatbeserah boleh diperkuuhkan mulai sekarang.

7.2 Kebanyakan naratif sejarah tapak atau bangunan warisan yang ada di Malaysia tidak dikupas dengan mendalam. Penceritaan yang disediakan lebih kepada fakta, bukannya interpretasi. Banyak tempat yang mempunyai interpretasi cerita menarik pula telah dibangunkan tanpa meninggalkan sebarang bukti fizikal yang berkaitan. Situasi-situasi sebegini sebenarnya mempengaruhi jati diri masyarakat tempatan dan keyakinan mereka terhadap budaya sejarah setempat. Pengekalan Rumah Rehat Beserah sebagai simbol warisan Kampung Pantai akan menyumbang kepada naratif penceritaan sejarah dan budaya Kampung Pantai yang lebih jelas, terutama sekali jika dibantu oleh kajian sejarah dan pengumpulan cerita lisan yang sistematik.

7.3 Sebenarnya, tidak banyak maklumat terperinci tentang Rumah Rehat Beserah yang tersedia di layar internet ataupun dalam bentuk nashkah. Kajian lanjut ke atas seni bina dan sejarah Rumah Rehat Beserah akan membuka peluang kepada pakar-pakar tempatan untuk mengumpulkan bahan ke dalam sebuah bank ilmu agar maklumat-maklumat yang ada tidak hilang ditelan zaman. Secara tidak langsung, sumber bacaan atau maklumat tentang Kampung Pantai akan bertambah banyak dan mudah diakses oleh generasi akan datang.

7.4 Teknik pertukangan dan pembinaan tempatan telah lama diabaikan, malah tukang-tukang yang mahir dalam pembinaan bangunan kayu gaya tempatan juga semakin sukar ditemui. Pemuliharaan dan pemeliharaan Rumah Rehat Beserah akan memberi peluang kepada konservator, arkitek atau tukang tempatan hari ini untuk mendalami kaedah/teknik pembinaan, pembakaian dan pemuliharaan struktur kayu warisan. Pembelajaran atau latihan yang berterusan dapat dianjurkan dari semasa ke semasa, menggunakan Rumah Rehat Beserah sebagai bangunan/projek contoh.

7.5 Membuka peluang kepada operator/syarikat kecil untuk memulakan perniagaan dalam perkhidmatan rumah rehat/hotel dengan menggunakan Rumah Rehat Beserah sebagai batu loncatan. Operasi rumah rehat ini juga boleh dijalankan secara kolaborasi dengan kumpulan profesional muda ataupun kolej-kolej yang berkaitan. Saiznya yang kecil sesuai untuk program latihan industri, contohnya, bagi mahasiswa dari bidang hospitaliti.

Secara tidak langsung, golongan muda dapat didedahkan kepada pengurusan bangunan warisan dan operasi lestari.

7.6 Rumah Rehat Beserah juga boleh diterapkan ke dalam program ‘Kampung-stay’ yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya. ‘Kampung-stay’ merupakan satu bentuk pengalaman di mana para pelancong disediakan dengan kemudahan penginapan tetapi tidak tinggal bersama tuan rumah. Mereka berpeluang untuk berinteraksi dan mengikuti aktiviti sehari-hari penduduk. Rumah yang disediakan dilengkapi dengan kemudahan asas untuk keselesaan pelancong dan bercirikan kehidupan masyarakat kampung, sama seperti rumah rehat ini. Terdapat pelbagai cara untuk penduduk Kampung Pantai memainkan peranan yang lebih aktif dalam operasi Rumah Rehat Beserah seperti membekalkan hidangan makanan harian penginap, atau sebagai pengatur program lawatan pengunjung ke sekitar Kampung Pantai.

7.7 Pemuliharaan Rumah Rehat Beserah berpotensi sebagai titik mula kepada perkembangan pelancongan pantai era baharu di Kampung Pantai. Sasaran aktiviti pelancongan pantai (*beach tourism*) yang positif boleh ditumpukan kepada kumpulan-kumpulan terpilih seperti ekopelancongan, *shore fishing*, perkhemahan, larian pantai dan lumba motor pantai. Program-program sebegini mempunyai peminat yang tertentu dan kerap dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan tempatan, contohnya lumba pantai Rollin Wheelz di Balok.

7.8 Peluang untuk memulakan dialog dengan komuniti dan melibatkan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) terbuka luas. [Komuniti Intervensi Dadah Malaysia \(KOMITED MALAYSIA\)](#) yang membantu meningkatkan taraf hidup bekas penagih, dan [Sekolah Belantara](#) yang memberi fokus kepada pembelajaran alam semula jadi dan amalan lestari adalah dua contoh NGO yang berpotensi sebagai penyewa atau pengurus Rumah Rehat Beserah. Ahli-ahli mereka dapat dilatih dalam bidang komunikasi, pengumpulan dana dan pengurusan bangunan. Sebagai makluman, ahli KOMITED juga berkemampuan untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan pertukangan bangunan.

7.9 Lokasi Rumah Rehat Beserah di sebuah kampung tradisional tepi pantai yang berhampiran dengan pusat bandar memudahkan sebarang logistik penggambaran filem. Bangunan ini boleh diketengahkan sebagai lokasi penggambaran utama ataupun setidak-tidaknya sebagai pusat operasi penggambaran atau tempat penginapan kru filem/fotografi. Secara tidak langsung, kehadiran kumpulan perfileman ini akan memberi pendapatan kepada perusahaan penduduk.



Imej 35: Aktiviti perkhemahan tepi pantai.



Imej 36: Larian pantai di Pantai Sepat. Sumber: Facebook Santai Gelora Events.



Imej 37: Penggambaran filem Anak Harimau di Beserah. Sumber: Wan Udani Wan Ahmad.

08 PENDEKATAN YANG DICADANGKAN

8.1 Visi untuk pemuliharaan Rumah Rehat Beserah digariskan seperti berikut:

- Pemuliharaan bangunan Rumah Rehat Beserah perlu mengambil kira keaslian (*authenticity*) seni bina asalnya.
- Persekutaran landskap tepi pantai Rumah Rehat Bersera perlu dikekalkan dan ditambah baik agar ia tidak menggugat suasana tradisi/budaya sekitar Rumah Rehat Beserah.
- Penggunaan bangunan mestilah membawa faedah kepada penduduk setempat.

8.2 PENDEKATAN KONSERVASI BANGUNAN

8.2.1 Konservator, arkitek dan tukang yang pakar perlu dilantik untuk menjalankan penilaian yang terperinci untuk kerja-kerja pemuliharaan bangunan ini.

8.2.2 Melalui penelitian dan pertimbangan awal, Rumah Rehat Beserah wajar dikembalikan kepada reka bentuknya yang asal.



Imej 38: Cadangan awal pengembalian bangunan kepada reka bentuk yang asal. Biru, binaan tambahan yang harus ditanggalkan; Unggu, blok pengudaraan dan dinding yang perlu ditanggalkan untuk mengembalikan ruang serambi yang asal; Kuning, atap zink diganti semula dengan atap nipah.

SUSUN ATUR

- Ubah semula serambi hadapan kepada bentuk serambinya yang asal.
- Robohkan binaan tambahan tandas di bahagian tepi.

BAHAN BINAAN

- Kekalkan binaan kayu bangunan.
- Gantikan bumbung zink dengan atap nipah sebagaimana yang asal.

- Gantikan tingkap boleh laras kaca dengan daun tingkap kayu sebagaimana yang asal.
- Kekalkan dan guna semula bahan binaan asal sebanyak mungkin.
- Buang struktur blok-blok pengudaraan di bahagian bawah atau gantikan dengan bahan yang lebih ringan/bersesuaian.

TAMBAHAN BANGUNAN

- Reka bentuk tambahan bangunan mestilah mengikut skala bangunan Rumah Rehat Beserah yang sedia ada.

KONTEKS

- Kekalkan suasana persekitaran pantai sekitar 1km dari Rumah Rehat Beserah, dan pastikan visual pemandangannya ke arah pantai tidak dihalang oleh apa-apa bangunan di masa hadapan.

8.3 KAJIAN YANG LEBIH MENDALAM

8.3.1 Informasi tentang sejarah atau seni bina Rumah Rehat Beserah buat masa sekarang agak umum dan banyak bergantung kepada pengetahuan generasi sebelumnya yang belum direkodkan. Kajian ke atas sejarah Kampung Pantai, bangunan Rumah Rehat Beserah serta peristiwa yang berkaitan perlu dimulakan secara serius agar sebuah bank ilmu (*knowledge bank*) tentang Rumah Rehat Beserah dapat dibina. Pengumpulan fakta atau data boleh dijalankan secara usahasama dengan perpustakaan atau arkib tempatan.

8.3.2 Kajian sebaik-baiknya melibatkan penduduk kampung, terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian juga boleh diperluaskan ke kawasan lain di Beserah pada fasa seterusnya. Program pemetaan budaya (*cultural mapping*) adalah antara kaedah yang terbaik untuk merekod dan memahami aspek budaya dan tradisi Kampung Pantai. Ianya boleh dianjurkan oleh mana-mana NGO tempatan yang bersesuaian. Peruntukan dana untuk program komuniti sebegini perlu disediakan.

8.3.3 Kisah Rumah Rehat Beserah perlu direkod agar dapat disampaikan dengan lebih efektif. Program pengumpulan cerita lisan boleh dimulakan dengan menemuramah penduduk tempatan dari generasi sebelumnya, dan sesiapa yang pernah menginap di Rumah Rehat Beserah. Rekod temuramah sama ada dalam bentuk audio atau video boleh disimpan dalam bank ilmu Rumah Rehat Beserah.

8.3.4 Peristiwa yang berlaku di bangunan ini semasa Pendudukan Jepun boleh dikaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang zaman tersebut dan menghubungkannya dengan 7 buah *pillbox* perang yang berdekatan.

8.3.5 Kajian budaya dan ekonomi Beserah yang dimulakan oleh Universiti Malaya pada tahun 1956-1958 perlu diteruskan. Salinan kertas kerja Prof. Ungku Aziz, Dr. Ivan Polunin

dan Dr. MacLean perlu diperolehi agar dapat dirujuk oleh penduduk Beserah dan orang awam.

8.3.6 Semua hasil kajian perlulah dikongsi dengan penduduk dan orang awam, contohnya melalui laman web atau penerbitan buku. Sejarah Beserah juga boleh diketengahkan di media-media sosial.

8.4 PENGURUSAN YANG LEBIH MAKLUM TENTANG NILAI WARISAN RUMAH REHAT BESERAH

8.4.1 Pihak-pihak yang dilantik untuk menguruskan Rumah Rehat Beserah ini kelak perlu diberi latihan tentang pengurusan bangunan kayu bersejarah, selain daripada pendedahan kepada kepentingan sejarah, seni bina dan budaya rumah rehat ini agar pemeliharaan bangunan lebih sensitif kepada nilai-nilai warisannya. Latihan ini juga dapat membantu pihak pengurusan menjalankan promosi berorientasikan warisan Beserah atau Rumah Rehat Beserah secara kreatif.

8.4.2 Pelan Pengurusan Warisan (*Heritage Management Plan*) diperlukan untuk memahami kepentingan aset, cara penjagaan dan potensi Rumah Rehat Beserah agar penggunaan bangunan ini kekal lama:

- i. Pelan untuk jangka masa pendek (5 tahun)
- ii. Pelan untuk jangka masa panjang (10-20 tahun)

8.4.3 Sebuah panduan rancangan perniagaan/pengurusan yang berorientasikan warisan perlu disediakan untuk memberi contoh bagaimana nilai komersial dan nilai warisan dapat disatukan dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada penduduk Kampung Pantai. Penyediaan makanan tetamu Rumah Rehat Beserah contohnya, boleh dijalankan oleh penduduk tempatan secara kontrak.

8.4.4 Pengurusan penggunaan Rumah Rehat Beserah perlu lebih terbuka agar ia dapat digunakan oleh komuniti setempat di masa-masa tertentu contohnya sebagai pusat tuisyen, tempat mesyuarat ataupun disewa sebagai lokasi kenduri-kendara, destinasi penggambaran, dsb.

8.4.5 Pihak pengurusan perlu mengemukakan model perniagaan yang sesuai di mana pendapatan yang diperolehi boleh menyara penyelenggaraan bangunan Rumah Rehat Beserah, dan juga menjana ekonomi kecil penduduk tempatan. Sekiranya diuruskan sebagai entiti *non-profit*, manfaatnya kepada penduduk tempatan perlu jelas.

8.4.6 Tender pengurusan boleh dibuka kepada orang awam untuk mewujudkan persaingan yang sihat. Ini akan membuka peluang kepada penduduk tempatan dan operator kecil. Skop perkhidmatan mestilah merangkumi kerja-kerja pemuliharaan bangunan.

8.5 PENGLIBATAN KOMUNITI TEMPATAN

8.5.1 Perbincangan dan dialog dengan penduduk tempatan yang berterusan penting agar kesedaran nilai warisan bangunan Rumah Rehat Beserah dapat diterapkan pada semua peringkat masyarakat. Ini boleh dilakukan dalam bentuk mesyuarat, bengkel ataupun forum maya. Objektif-objektif akhir ialah untuk memperkasakan penduduk tempatan dengan ilmu dan pengetahuan teknikal yang secukupnya agar mereka dapat menjaga warisan mereka dengan baik, selain membuka mata pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti agensi Kerajaan akan potensi Rumah Rehat Beserah dari kaca mata penduduk.

8.6 RANCANGAN PELANCONGAN TEMPATAN

8.6.1 Rancangan pelancongan hendaklah kreatif dan tidak mengganggu persekitaran Kampung Pantai. Antara contoh program yang boleh diadaptasi ialah program 'Kampung-stay' yang dikelolakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya di mana pelancong dapat tinggal dalam kalangan penduduk kampung. Seluruh kampung akan terlibat dalam program sebegini dan Rumah Rehat Beserah boleh berfungsi sebagai bangunan utama.

8.6.2 Sebagai kampung tradisi nelayan, Kampung Pantai sememangnya menarik kumpulan kaki pancing untuk ke sana. Rumah Rehat Beserah merupakan tempat persinggahan/penginapan yang berpatutan dan sesuai dengan aktiviti memancing yang dirancang kerana berhampiran dengan laut serta mempunyai halaman dan serambi untuk berkumpul. Mereka merupakan *target group* yang berpotensi sebagai pengunjung utama Rumah Rehat Beserah dan Kampung Pantai secara amnya.

8.6.3 Promosi dan program yang dijalankan di Kampung Pantai dan Rumah Rehat Beserah mestilah menekankan pengalaman asli dan mengekalkan warisan tempatan sebanyak mungkin, kerana aspek-aspek inilah yang sebenarnya merupakan aset kampung ini. Potensi program pelancongan pantai boleh diperbincangkan dengan kumpulan-kumpulan tempatan yang telah pun memulakan Inisiatif mereka sendiri.

8.6.4 Aktiviti-aktiviti pelancongan yang dicadangkan bagaimanapun harus mengambil kira impak program kepada kehidupan penduduk kampung dan operasi harian para nelayan tempatan.

8.7 PENAMBAHBAIKAN PERSEKITARAN

8.7.1 Rumah Rehat Beserah tidak boleh wujud secara bersendirian kerana berkait rapat dengan perkampungan nelayan di sekitarnya. Elemen landskap seperti pokok kelapa, pasir, dsb., boleh dikembalikan atau ditambah untuk melengkapkan persekitaran tepi pantai yang asli selain membantu untuk meningkatkan pengudaraan semula jadi. Penanaman semula pokok-pokok yang bersesuaian di sekitar Rumah Rehat Beserah disarankan.

8.7 RUMUSAN PELAN TINDAKAN SETERUSNYA

8.7.1 Langkah-langkah yang disenaraikan di bawah memerlukan tindakan lanjut.

	Tindakan	Pihak Bertanggungjawab
A GUNA TANAH		
	Mengenalpasti status kategori tanah sebenar berdasarkan salinan pemilikan tanah. Salinan perlu diperolehi dari Pejabat Tanah Daerah Kuantan atau Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Penduduk Tempatan
	Membuat permohonan untuk menukar guna tanah yang telah diwartakan dalam RTD Kuantan 2035 (Penggantian) sebagai ‘pengangkutan’ kepada guna tanah yang asal (sekiranya ada) ataupun ‘institusi’.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Penduduk Tempatan, Majlis Bandaraya Kuantan
B STATUS WARISAN		
	Memulakan kajian dan kertas kerja yang berkaitan untuk mencalonkan bangunan Rumah Rehat Beserah sebagai bangunan warisan untuk melindunginya daripada ancaman diroboh atau dipindahkan.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan, Penduduk Tempatan
	Berhubung dengan Majlis Bandaraya Kuantan serta Jabatan Warisan Negara untuk membincangkan potensi Rumah Rehat Beserah.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Penduduk Tempatan
C PEMULIHARAAN BANGUNAN		
	Menjalankan kajian sejarah tentang bangunan Rumah Rehat Beserah.	Penyelidik
	Menjalankan lukisan terukur bangunan Rumah Rehat Beserah bersama Laporan Penilaian Keadaan Bangunan. Laporan akan digunakan untuk mengenalpasti rupa bentuk asal bangunan tersebut.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang/Kolej Seni Bina/Teknikal
	Melantik konservator atau arkitek yang pakar untuk melihat kaedah pemuliharaan yang terbaik.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
	Mencari dana/peruntukan untuk kerja-kerja pemuliharaan.	PKNP, Pejabat Pelancongan Pahang

09 ALTERNATIF PENGGUNAAN YANG DICADANGKAN

Dua (2) alternatif penggunaan bangunan yang dicadangkan di bawah melibatkan pengekalan bangunan Rumah Rehat Beserah dan pemuliharaannya.

9.1 ALTERNATIF 1: PENGEKALAN FUNGSI SEBAGAI SEBUAH RUMAH REHAT BERUSIA HAMPIR SATU ABAD

9.1.1 Kejayaan promosi Rumah Rehat Beserah bergantung kepada latar penceritaan yang ditawarkan bagi bangunan ini dan kawasan sekitarnya. Bayangkan tarikannya sebagai bangunan warisan yang tersendiri - sebuah rumah rehat berusia hampir 1 abad (93 tahun). Trend pembangunan hari ini melihat banyak bangunan-bangunan lama diadaptasi semula sebagai hotel atau rumah rehat. Kebanyakan rumah-rumah peranginan tepi pantai dibina menggunakan kayu dan atap nipah dalam gaya seni bina vernakular. Kita amat beruntung kerana bangunan Rumah Rehat Beserah sudah pun tersedia sebagai sebuah rumah peranginan binaan kayu yang bersejarah.



Imej 39: Smokehouse Hotel di Cameron Highlands dibina pada tahun 1936 dan popular sehingga hari ini.

9.1.2 Bangunan Rumah Rehat dikembalikan kepada bentuk asal ataupun keadaan sedia ada, bergantung kepada penilaian Konservator kelak, dengan pengubahsuaian yang minima. Sebarang tambahan yang dibuat perlu mendapat kelulusan unit warisan Majlis Bandaraya Kuantan, dan perlulah berkesinambungan dengan seni bina asli Rumah Rehat ini agar tidak nampak janggal.

9.1.3 Program penggunaan ruang/tempat yang aktif perlu dirancang dengan rapi agar dapat menarik kedatangan pengunjung secara berterusan. Sejarah Rumah Rehat Beserah/Kampung Beserah boleh dipamerkan dalam bentuk hiasan dinding/gambar.

9.1.4 Operasinya mungkin secara kecil-kecilan, tetapi wajar diketengahkan sebagai tarikan utama Kampung Pantai. Ia juga sesuai diuruskan oleh operator kecil atau syarikat yang baru hendak bergiat dalam bidang hospitaliti.

9.2 ALTERNATIF 2: TUKAR KEGUNAAN BANGUNAN

9.2.1 Menggunakan ruang bangunan Rumah Rehat Beserah untuk tujuan lain, sekiranya penggunaannya sebagai rumah rehat didapati tidak lagi relevan oleh pihak-pihak berkepentingan. Bagaimanapun, sebarang pengubahsuaian masih perlu mendapat kelulusan Majlis Bandaraya Kuantan. Kajian kebolehlaksanaan (*feasibility*) perlu dijalankan untuk menilai kesesuaian penggunaan baharu yang tidak akan membawa perubahan besar kepada reka bentuk bangunan asal. Antara penggunaan yang berpotensi ialah pusat info, balai komuniti, tempat acara dan galeri.

9.2.2 Banyak bangunan warisan dengan halaman yang lapang seperti Rumah Rehat Beserah popular sebagai tempat acara seperti '[KSeena House](#)' dan '[Rumah Abang Jamil](#)'. Tapak-tapak sebegini diuruskan oleh Perunding Perancang Acara yang akan menyewakannya kepada orang ramai untuk upacara atau acara tertentu seperti mesyuarat, jamuan atau majlis perayaan. Bangunan warisan yang terlibat dikekalkan sebagai latar belakang atau tunjang utama upacara yang diadakan. Ruang atau halaman Rumah Rehat Beserah boleh diadaptasi sebagai tempat acara yang bersandarkan bangunan warisan sedia ada.

9.2.3 Sebagai sebuah bangunan warisan, ia mungkin sesuai sebagai galeri barang antik yang juga boleh disewakan sebagai lokasi penggambaran. Contoh yang terdekat ialah [Rumah Klasik Kuantan](#) di Jalan Galing Besar, Kuantan, yang menyimpan koleksi barang antik bernilai tinggi. Rumah Klasik Kuantan turut berfungsi sebagai pusat informasi sejarah dan budaya negeri Pahang.



Imej 40: kiri - KSeena House. Sumber www.kseenahouse.com; kanan - Ruang dalam Rumah Klasik Kuantan. Sumber: www.kuantanloca.com.

10 HURAIAN AKHIR

10.1 Rumah Rehat Beserah perlu dilihat sebagai aset sejarah dan warisan yang tidak ternilai. Sebarang strategi pembangunan wajar melihatnya sebagai *catalyst* yang akan meningkatkan jati diri penduduk setempat dan seterusnya menarik perhatian pengunjung ke Kampung Pantai. Pengekalan dan pemuliharaan Rumah Rehat Beserah akan menguntungkan lebih ramai pihak berbanding dengan keputusan untuk merobohkannya.

10.2 Laporan ini dikongsi bersama agar pandangan ICOMOS MALAYSIA terhadap kepentingan warisan Rumah Rehat Beserah dapat difahami oleh semua pihak yang berkepentingan serta orang awam. Niat utama pasukan yang menyediakan laporan ini adalah agar bangunan Rumah Rehat Beserah tidak dirobohkan, sebaliknya diiktiraf oleh Kerajaan sebagai bangunan warisan yang tidak ternilai. Maklumat dan cadangan yang dibentangkan adalah berdasarkan penilaian awal dan perlu dikaji dengan lebih mendalam setelah Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 ditamatkan.

10.3 Sebagai sebuah badan bukan kerajaan, ICOMOS MALAYSIA bersedia untuk membantu sebagai penasihat bagi aspek-aspek teknikal pemuliharaan bangunan ini. Jawatankuasa Warisan Abad ke-20 ICOMOS MALAYSIA mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama dalam usaha pengekalan dan pemuliharaan Rumah Rehat Beserah.

11 SENARAI RUJUKAN

11.1 BUKU

Anthony, P.A, Federated Malay States Railways Penang to Singapore, Resthouses Upkept by the Government, ms. 10

James T. Collins, Malay Dialect Research in Malaysia: The Issue of Perspective

Majlis Perbandaran Kuantan, Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 (Penggantian) Jilid 1 & Jilid 2, 2018

11.2 SURATKHABAR

Berita Harian (BH)

BH, 13 Mac 1958, ms 7, *Dua Pensharah Buat Lawatan*

Illustrated London News, ILN

ILN, 1 Mei 1983, Exploring Malaysia's East Coast

Malaya Tribune

MT, 5 Januari 1927, ms.7, *Flood Havoc all over Pahang.*
MT 27 Jun 1928, ms.11, *Visit to Pahang*

Malaysia Kini (MK)

MK, 29 Ogos 2017. Kubu British gamit nostalgia zaman Jepun,
<https://www.malaysiakini.com/news/393558>

Straits Times Annual (STA)

STA, 1 Januari 1936, ms.2, *A Country Unique in the East Today*

The Straits Times (TST)

TST, 28 Jun 1904, ms.2, *Pahang News*
TST, 27 September 1913, ms.4, *Page 4 Advertisements Column 3*
TST, 5 Januari 1927, ms.10, *The Floods in Malaya. Further News from Kuantan District. Pahang Isolated. European Estate Manager's Report.*

TST, 27 November 1927, ms.8, *Federal Glimpse*

TST, 14 Sept 1928, ms 10, *Expenses of Pahang Tour*

TST, 1 Jun 1934. Ms.11, Singapore's Godowns stacked High With Rubber

TST, 13 Januari 1935, ms13, *Ruses of The Turtle to Protect its Eggs*

TST, 29 November 1936 ms 4, *Monsoon Distress on East Coast*

TST, 25 Mei 1952, ms.5, *A Sleepy Little Village, Away from it All*

The Singapore Free Press and Mercantile Advertising (TSFPMA)

TSFPMA, 22 September 1927, ms.8, *High Commissioner's Tour.*

11.3 TEMURAMAH

Temuramah bersama penduduk tempatan/pakar sejarah Beserah Encik Wan Udani bin Wan Ahmad, 1 Julai 2021

11.4 LAMAN MAYA

<https://www.facebook.com/phgmakmur/posts/d41d8cd9/3513194085439579/>

<https://kampungbeserah.myfreesites.net/kisah-beserah/tag/haji+senik>

